



MANHAJ PENULISAN AL-TIRMIDHĪ TERHADAP HADĪTH-HADITH ABWĀB AL-TAFSĪR DALAM KITAB AL-JĀMI'

Ammar Ismail & Fathullah Asni

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Abstract

Al-Tirmidhī merupakan ulama salaf yang menulis karya *hadīth* yang amat berautoriti yang digelar sebagai *al-Jāmi'*. Ia merupakan antara karya *hadīth* yang paling berautoriti dan lengkap dalam senarai enam kitab-kitab *hadīth* (*kutub al-sittah*). Sebelum terdapatnya kitab tafsir al-Quran seperti kitab tafsir al-Tabari, umat Islam merujuk tafsir al-Quran kepada *hadīth-hadīth* yang mentafsirkan al-Quran dalam kitab-kitab *hadīth* seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan Jami' al-Tirmidhi kerana *hadīth* merupakan pentafsir utama al-Quran. Walau bagaimanapun, para ulama *hadīth* berbeza metodologi dalam penulisan dan menghimpunkan *hadīth-hadīth* terutama melibatkan *hadīth-hadīth* yang mentafsirkan al-Quran seperti al-Tirmidhi memasukkan *hadīth da'i* di samping dinyatakan status *hadīth* dan alasan kedaifan tersebut. Di samping itu, masih belum terdapat kajian yang menyenaraikan mengenai metodologi penulisan al-Tirmidhi terhadap *hadīth-hadīth* dalam abwab al-tafsir dalam kitab *al-jāmi'* yang merupakan bab yang terbesar iaitu mengumpulkan sebanyak 420 bilangan *hadīth*. Justeru, kajian ini adalah untuk mengkaji manhaj penulisan al-Tirmidhi terhadap *hadīth-hadīth abwāb al-tafsir* dalam kitab *al-Jāmi'*. Metodologi kajian ini menggunakan dua pendekatan iaitu metodologi pengumpulan data di mana pengkaji akan menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Manakala metodologi analisis data pula menggunakan kaedah deduktif dan induktif. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat 12 *manhaj* penulisan al-Tirmidhi melibatkan *hadīth-hadīth* dalam *Abwāb al-Tafsir*.

Kata kunci: *Abwāb al-Tafsir, al-Tirmidhī, Jāmi' al-Tirmidhī, Hadīth, Manhaj*

Article Progress

Received: 30 May 2018

Revised: 1 July 2018

Accepted: 15 August 2018

*Corresponding Author:

Fathullah Asni,
Post graduate student,
Bahagian Pengajian Islam,
Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains
Malaysia, Pulau Pinang
Email: fathasni90@gmail.com

1. Pengenalan

Hadīth adalah sumber kedua bagi umat Islam, ia merupakan pentafsir utama terhadap ayat-ayat al-Quran tanpa sebarang pertikaian.¹ Kepentingan ini menyebabkan para ulama salaf giat menyusun tafsir al-Quran melalui pendekatan menghimpun dan merekod *hadīth-hadīth* yang menafsirkan ayat-ayat al-Quran. *Hadīth-hadīth* tersebut ditulis dan dihimpunkan serta dijadikan suatu bab khusus dalam kitab-kitab *hadīth*. Justeru, sebelum wujud kitab khusus mengenai tafsir al-Quran seperti kitab *Tafsir al-Tabarī*, didapati para ulama telah menyusun bab khusus mengenai tafsir al-Quran dalam kitab-kitab *hadīth* yang dinamakan sebagai *kitāb al-tafsīr, abwāb al-tafsīr* atau seumpamanya.²

Di samping bab tersebut mengandungi *hadīth-hadīth* tafsir, turut dimasukkan juga himpunan *aqwāl al-sahābah* (pandangan para Sahabat) dan *aqwāl al-tābi'īn* (pandangan para *Tābi'īn*) mengenai tafsir al-Quran terutamanya mereka yang terkesan dengan aliran tafsir al-Quran yang dipelopori oleh para Sahabat seperti aliran 'Abdullāh bin 'Abbās di Makkah. Antara ulama awal yang menghimpunkan *hadīth-hadīth* tafsir ialah Yazīd bin Harūn al-Sulamī (w. 117 H), Syu'bāh al-Hajjāj (w. 160 H), Wāki'

¹ Taqī al-Dīn Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halīm bin Tāimiyyah, *Muqaddimah fī Uṣūl al-Tafsīr* ('Ammān: Dār 'Ammār, 1997), h. 45; Muhammād bin Ṣalīḥ al-'Uthaimīn, *Syarh Muqaddimah Usul al-Tafsīr* (al-Qāherah: Dār Ibn al-Jauzī, 2005), h. 202.

² Ibnu Rajab al-Hanbalī, *Syarh al-'Ilal* (Dimasyq: Dār al-Millah, t.t.), 1/323 - 324.



bin al-Jarrāḥ (w. 197 H), Sufiyān bin ‘Uyainah (w. 198 H) dan lain-lain. Walaupun karya-karya mereka ini tidak kekal lama, namun riwayat-riwayat mereka diriwayatkan secara bersanad dalam kitab-kitab *tafsīr bi al-Ma’thūr*³ yang wujud hingga ke hari ini.⁴ Selain mereka, terdapat juga tokoh-tokoh dalam kalangan ulama *hadīth* yang hanya memuatkan *hadīth-hadīth* Nabi SAW sahaja tanpa memasukkan *aqwāl al-sahābah* dan *aqwāl al-tābi‘īn* kecuali sedikit pada semua bab dalam kitab *hadīth* terutamanya dalam bab tafsir al-Quran seperti kitab *Jāmi‘ al-Tirmidhī*.⁵

Kitab *Jāmi‘ al-Tirmidhī* merupakan karangan Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī yang lebih dikenali sebagai *al-Imām al-Tirmidhī*. Beliau merupakan tokoh kurun ketiga yang dilahirkan pada tahun 200 Hijrah dan meninggal pada tahun 279 Hijrah. *Jāmi‘ al-Tirmidhī* adalah karya terbaik beliau yang menghimpunkan *hadīth-hadīth* Nabi SAW sehingga mengangkat beliau sebagai tokoh *hadīth*. *Jāmi‘ al-Tirmidhī* juga dikategorikan dalam kategori *sunan al-sittah* yang merupakan antara enam kitab *hadīth* yang terbaik. Sebahagian ulama *hadīth* berpendapat *Jāmi‘ al-Tirmidhī* adalah kitab *hadīth* yang terbaik selepas *Šahīh al-Bukhārī*, *Šahīh Muslim* dan *Sunan Abū Dāwud*.⁶ Al-Tirmidhī menghimpunkan *hadīth-hadīth* dalam kitab ini mengikut pembahagian tajuk-tajuk *hadīth*, antara tajuk-tajuk tersebut ialah *Abwāb Tafsīr al-Qurān* yang menjadi fokus utama dalam kajian ini.

Para sarjana *hadīth* mempunyai metodologi yang berbeza dalam menghimpunkan *hadīth-hadīth*. Walaupun terdapat beberapa persamaan dalam metodologi yang digunakan, namun terdapat juga beberapa perbezaan seperti kandungan karya yang dihasilkan. Kebiasaannya, setiap metodologi yang digunakan oleh para sarjana *hadīth* menerima komentar dan kritikan oleh para ulama *hadīth*. Justeru, didapati dalam *Jāmi‘ al-Tirmidhī* terdapat *hadīth-hadīth* yang tidak sahih oleh para ulama *hadīth* termasuk sebahagian *hadīth* dalam *Abwāb al-Tafsīr*. Dapatkan ini bukanlah bermaksud bahawa *al-Tirmidhī* lemah dalam bidang *hadīth*, bahkan al-Tirmidhī dan karyanya *al-Jāmi‘* diiktiraf oleh para ulama daripada zamannya sehingga kini.⁷ Justeru, hal ini kerana al-Tirmidhī mempunyai *manhaj* atau kaedah tersendiri dalam penulisannya. Justeru, kefahaman yang jelas mengenai *manhajnya* dapat membantu memahami *Jāmi‘ al-Tirmidhī*.⁸

Berdasarkan kepada sorotan kajian, terdapat beberapa kajian yang menyentuh mengenai kitab *Jāmi‘ al-Tirmidhī* iaitu antaranya ialah oleh al-Qarni dalam disertasi sarjananya beliau mengkaji mengenai komentar-komentar al-Tirmidhī berdasarkan *hadīth-hadīth* dalam *Jāmi‘ al-Tirmidhī* yang digunakan oleh para fuqaha’ khusus dalam bab *al-Aḥkām*, *Diyāt* dan *hudūd*.⁹ Manakala Mohd Sukki Othman dalam disertasi sarjananya beliau mengkaji mengenai perumpamaan-perumpamaan yang *ṣariḥ* di dalam al-Quran dan *Jāmi‘ al-Tirmidhī*.¹⁰ Selain itu, Ahmad Asmadi Sakat dalam kajiannya mengkaji mengenai metodologi penulisan kitab *Jāmi‘ al-Tirmidhī* secara umum yang hanya menjurus kepada

³ *Tafsīr bi al-Ma’thūr* ialah sesuatu yang diriwayatkan oleh Rasulullah atau para Sahabat atau para *Tābi‘īn* melalui riwayat-riwayat daripada mereka secara *Naqli* mengenai tafsir al-Quran. Lihat: Ṣolāḥ al-Khālidī, *Ta’rif al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassirīn* (Dimasyq: Dār al-Salam, 2008), h. 200.

⁴ Muhammad Ḥusain al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn* (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2005), 1/127 – 128; Mannā’ al-Qattān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2006), h. 311 – 312; Ṣolāḥ al-Khālidī, *Ta’rif al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassirīn* (Dimasyq: Dār al-Salam, 2008), h. 226 - 227.

⁵ Muṣṭafā al-Sibā‘ī, *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī‘ al-Islāmī* (Beirūt: al-Maktab al-Islāmī, 1982), h. 170 - 171.

⁶ Muhammad Abu Laith Abadi, ‘Ulum al-Hadīth Asiluha wa Ma‘asiruha (Selangor: Dar al-Syakir, 2003), h. 117

⁷ Syam al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz* (Beirūt: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 2/154.

⁸ Ibn Rajab al-Hanbalī, *Syarḥ al-‘Ilal* (Dimasyq: Dār al-Millah, t.t.), 1/323 - 324.

⁹ Abdullah bin Muhammad bin Khaḍr al-Qarnī, *al-Masā’il allatī Naṣṣu al-Imām al-Tirmidhī fī Sunanīhi anna al-‘Amalā ‘Alaihā ‘inda Ahl al-‘Ilm al-Aḥkām wa al-Diyāt wa al-Hudūd* (Disertasi Sarjana bahagian al-Fiqh al-Muqāran, Universiti al-Imām Muhammad bin Sa‘ūd al-Islāmiyyah, Saudī, 1430H).

¹⁰ Mohd Sukki Othman, *Penggunaan al-Mathāl al-Ṣāriḥ dalam al-Quran dan Sunan al-Tirmidhī mengenai Manusia* (Disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia UKM, 2001).



bab-bab tertentu sahaja.¹¹ Walaupun terdapat beberapa kajian yang dihasilkan berkaitan dengan karya tersebut sama ada dari segi metodologi penulisannya, ketokohan dan seumpamanya, namun sehingga kini belum wujud kajian khusus mengenai *manhaj* penulisan *hadīth-hadīth* oleh al-Tirmidhi dalam bab tafsir al-Quran yang diperuntukkan secara khusus dalam *Jāmi‘ al-Tirmidhī* yang dinamakan sebagai *Abwāb al-Tafsīr*. Bahkan *Abwāb al-Tafsīr* ini merupakan tajuk paling besar dalam kitab *Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Oleh itu, berdasarkan kepada lompatan kajian yang ada, kajian ini adalah untuk mengkaji *manhaj* penulisan *hadīth-hadīth* dalam *Abwāb al-Tafsīr* oleh al-Tirmidhī dalam kitabnya *al-Jāmi‘*.

2. Latar Belakang *Abwāb Al-Tafsīr* Dalam Kitab *Al-Jāmi‘*

Abwāb al-Tafsīr merupakan bab yang ke-47 dalam kitab *al-Jāmi‘*. Dalam bab ini, al-Tirmidhī menghimpunkan *hadīth-hadīth* yang berkaitan dengan surah-surah dalam al-Quran dan penafsiran ayat-ayat al-Quran. Jumlah keseluruhan *hadīth* yang terkandung dalam *Abwāb al-Tafsīr* adalah sebanyak 420 *hadīth* bermula dari *hadīth* yang ke-2950 hingga *hadīth* yang ke-3369. Ini menunjukkan bahawa *hadīth* yang terkandung dalam *Abwāb al-Tafsīr* mempunyai bilangan yang paling besar. Al-Tirmidhī juga menyusun *hadīth-hadīth* tersebut kepada 95 *Bab* yang dijadikan *Tarjamah* beliau dalam *Abwāb al-Tafsīr*.¹² Keadaan tersebut telah memberi gambaran bahawa *Abwāb al-Tafsīr* mempunyai peranan yang besar dalam kitab *al-Jāmi‘* bahkan ia merupakan antara penyebab mengapa kebanyakan ulama *hadīth* mentarjih nama karya al-Tirmidhī ini sebagai *al-Jāmi‘*.¹³

Bab-bab dalam *al-Jāmi‘* dibentuk mengikut susunan surah dalam al-Quran. Jika sesuatu *hadīth* itu berkaitan dengan ayat-ayat yang berada dalam *Surah al-Baqarah*, maka *hadīth* tersebut diletak di bawah *Bāb Sūrah al-Baqarah* serta demikian juga yang lain. Selain itu, *hadīth-hadīth* berkenaan juga disusun mengikut turutan ayat yang berada dalam surah yang ditetapkan.¹⁴ Metode ini berbeza dengan *Kitāb al-Tafsīr* karangan gurunya al-Bukhāri yang dimuatkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Walaupun setiap *hadīth* daripada *Kitāb al-Tafsīr* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* disusun mengikut turutan ayat al-Quran sebagaimana al-Tirmidhī, namun bab-babnya dibentuk berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai tafsiran daripada *hadīth* Nabi tanpa diklasifikasikan mengikut surah-surah al-Quran sebagaimana al-Tirmidhī.¹⁵ Selain *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Muslim di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* juga tidak membahagikan *hadīth-hadīth* yang dimuatkan dalam *Kitāb al-Tafsīr* kepada bab-bab surah bahkan beliau tidak menyusun *hadīth-hadīth* mengikut turutan ayat sebagaimana al-Bukhārī.¹⁶ Justeru, perbezaan ini telah menzahirkan keunikan al-Tirmidhī dalam menyusun dan membentuk *Abwāb al-Tafsīr* hingga ia lebih tersusun berbanding *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*.

Umumnya, semua bab dalam *Abwāb al-Tafsīr* ini berpandukan kepada pembahagian surah-surah dalam al-Quran. Namun terdapat tiga bab yang diletakkan oleh al-Tirmidhī tidak berpandukan kepada surah-surah dalam al-Quran, bahkan *hadīth-hadīth* di dalamnya bukan *hadīth-hadīth* yang menafsirkan ayat al-Quran. Bab-bab tersebut ialah bab yang pertama, bab yang ke-94 dan bab yang ke-95 dalam *Abwāb al-Tafsīr*.¹⁷ Spesifiknya, bab pertama iaitu ‘*Bāb Mā Jā’ a fi Alladhi Yufassiru al-Qurān Bira’yihi*’¹⁸ membawa maksud bab mengenai individu yang menafsirkan al-Quran menurut

¹¹ Sakat, Ahamad Asmadi. Metodologi Penulisan Kitab Al-Jami' Karya Imam Al-Tirmidhi: Tumpuan Kepada Meriwayat Hadis dalam Bab Tertentu. *Jurnal Usuluddin*, [S.I.], v. 12, p. 45-58, dec. 2000. ISSN 0128-0708.

¹² Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi‘ al-Tirmidhī* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2009), h. 870 – 1001.

¹³ Nūr al-Dīn ‘Itr, *al-Imām al-Tirmidhī wa al-Muwāzanah baina Jāmi‘uhu wa baina al-Ṣaḥīħain* (al-Qāhirah: Matba‘ah Lajnah al-Ta’līf wa Tarjamah wa al-Nasyr 1970), h. 44 - 45.

¹⁴ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi‘ al-Tirmidhī* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2009), h. 870 - 1001.

¹⁵ Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 1999), h. 759 - 893.

¹⁶ Abu Al-Husin Muslim Bin Al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim* (al-Riyad: Dar al-Taibah, 2006), 4, 2312 - 2323.

¹⁷ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi‘ al-Tirmidhī* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2009), h. 870 - 1001.

¹⁸ Ibid.



akal berdasarkan metode *Tafsīr bi al-Ra'yī* tanpa mempunyai ilmu dan garis panduan.¹⁹ Tujuan bab ini adalah memberi ancaman keras terhadap orang yang menafsirkan al-Quran tanpa ilmu, mengikut hawa nafsu dan berpada dengan akal fikiran semata-mata, di samping menyeru agar memberi perhatian kepada *ḥadīth* untuk menafsirkan al-Quran.²⁰ Al-Tirmidhī mengatakan bahawa para Sahabat dan *Tābi'īn* mengelak untuk mentafsirkan al-Quran melalui pendapat sendiri apatah lagi jika tidak mempunyai ilmu mengenainya.²¹ Maka bab yang pertama menjadi *muqaddimah* al-Tirmidhī dalam *Abwāb al-Tafsīr* supaya berhati-hati dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran di samping menjadikan *ḥadīth* sebagai rujukan utama dalam tafsir al-Quran. Seterusnya bab yang ke-94 menceritakan mengenai kisah penciptaan Nabi Adam A.S, asal usul Salam dan mendoakan orang yang bersin. Kemudian bab ini juga menceritakan tentang pengingkaran Nabi Adam A.S dan pengingkaran keturunannya. Manakala bab yang ke-95 pula menceritakan hikmah penciptaan bukit dan gunung sebagai pengukuh kedudukan bumi yang sebelumnya tidak kukuh.²² Kedua-dua bab ini merupakan bab yang terakhir dalam *Abwāb al-Tafsīr*. Selain daripada bab-bab tersebut, al-Tirmidhī menyusunnya mengikut pecahan-pecahan surah dalam al-Quran.

Selain itu, didapati al-Tirmidhī tidak memuatkan semua surah daripada al-Quran dalam *Abwāb al-Tafsīr*. Surah-surah yang tidak dinyatakan adalah *Ṣūrah al-Jāthiyah*, *al-Ṭalāq*, *al-Mulk*, *Nūh*, *al-Muzammil*, *al-Insān*, *al-Mursalāt*, *al-Naba'*, *al-Nāzi'at*, *al-Infīṭar*, *al-Ṭāriq*, *al-A'lā*, *al-Balad*, *al-Ādiyāt*, *al-Qāri'ah*, *al-'Aṣr*, *al-Humazah*, *al-Fil*, *Quraysh*, *al-Mā'un* dan *al-Kāfirūn*. Walaupun begitu terdapat bab yang menggabungkan dua surah iaitu *Bāb Ṣūrah al-Mu'awwidhatain* yang merupakan gabungan *Ṣūrah al-Falaq* dan *Ṣūrah al-Nās*.²³ Selain itu, didapati terdapat nama-nama surah yang diletak sebagai bab berlainan dengan nama surah yang masyhur iaitu seperti *Ṣūrah Banī Isrā'il* (*Ṣūrah al-Isrā'*), *Ṣūrah al-Malāikah*, (*Ṣūrah Faṭīr*), *Ṣūrah al-Mukmin* (*Ṣūrah Ghāfir*), *Ṣūrah Hā Mīm al-Sajadah* (*Ṣūrah Fuṣṣilat*) dan *Ṣūrah al-Fath* (*Ṣūrah al-Naṣr*). Al-Tirmidhī juga didapati menjadikan permulaan ayat sebagai bab yang mewakili sesuatu surah iaitu *Ṣūrah Wa al-Ṣāffāt* mewakili *Ṣūrah al-Ṣāffāt*, *Ṣūrah Wa al-Najm* mewakili *Ṣūrah al-Najm*, *Ṣūrah Saāla Sāil* mewaliki *Ṣūrah al-Ma'ārij*, *Ṣūrah Idhā al-Syams* *Kuwvirat* mewakili *Ṣūrah al-Takwir*, *Ṣūrah Idhā al-Samā'un* *Syaqqat* mewakili *Ṣūrah al-Insyiqāq*, *Ṣūrah Wa al-Syams wa Dhuhāhā* mewakili *Ṣūrah al-Syams*, *Ṣūrah Wa al-Lail Idhā Yaghṣyā* mewakili *Ṣūrah al-Lail*, *Ṣūrah Wa al-Dhuḥā* mewakili *Ṣūrah al-Dhuḥā*, *Ṣūrah Alām Nashrāh* mewakili *Ṣūrah al-Insyirāh*, *Ṣūrah Iqra' Bismi Rabbik* mewakili *Ṣūrah al-'Alaq*, *Ṣūrah Lailah al-Qadr* mewakili *Ṣūrah al-Qadr*, *Ṣūrah Lam Yakun* mewakili *Ṣūrah al-Bayyinah*, *Ṣūrah Idhā Zulzilat al-Ard* mewakili *Ṣūrah al-Zalzalah*, *Ṣūrah Alhākum al-Takāthur* mewakili *Ṣūrah al-Takāthur* dan *Ṣūrah Tabbat* mewakili *Ṣūrah al-Masad*.

3. *Manhaj al-Tirmidhi dalam Abwāb al-Tafsīr*

Al-Tirmidhī mempunyai gaya penulisan yang tersendiri dalam menulis *Abwāb al-Tafsīr*. Berdasarkan kajian, didapat al-Tirmidhī menggunakan 12 kaedah dalam menyusun *ḥadīth*-*ḥadīth* dalam *Abwāb al-Tafsīr* iaitu;

3.1 Menyusun *Hadīth* Mengikut Turutan Ayat Al-Quran dalam Sesuatu Surah

Al-Tirmidhī menyusun bab-bab mengikut turutan surah dan ayat dalam al-Quran. Misalnya al-Tirmidhī menyusun *ḥadīth* mengikut turutan ayat dalam *Bāb Min Ṣūrah al-Fath* iaitu dengan memasukkan empat buah *ḥadīth* yang berkaitan dengan ayat-ayat dalam *Ṣūrah al-Fath*. *Hadīth* pertama mentafsirkan ayat pertama dalam *Ṣūrah al-Fath*, diikuti dengan *ḥadīth* kedua yang

¹⁹ Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri, *Al-'Arfu al-Syadhi Syarḥ Sunan al-Tirmidhī* (Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī 2004), 4/222.

²⁰ Muhammad 'Abd al-Rahmān al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Āhwadhī bi Syarḥ Jāmi' al-Tirmidhī* (Beirūt: Dār al-Fikr, 2003), 8/234 – 235; Abū Bakr Ibn al-'Arabī, *'Āridah al-Āhwadhī bi Syarḥ Ṣahīh al-Tirmidhī* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1997), 11/52.

²¹ Muhammad bin 'Isā al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2009), h. 871.

²² Ibid, h. 1000

²³ Muhammad 'Abd al-Rahmān al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Āhwadhī bi Syarḥ Jāmi' al-Tirmidhī* (Beirūt: Dār al-Fikr, 2003), 9/244.



mentafsirkan ayat kedua dan kelima, seterusnya *hadīth* ketiga mentafsirkan ayat ke-24, dan akhir sekali iaitu *hadīth* keempat mentafsirkan ayat ke-26. Contoh-contoh *hadīth* tersebut ialah;

1. Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Basyar”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Khālid Ibn ‘Athmah”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Mālik bin Anas, daripada Zaid bin Aslam, daripada bapanya berkata, “aku telah mendengar ‘Umar bin al-Khaṭṭab berkata, “kami pernah bersama dengan Rasulullah SAW dalam suatu perjalanan, aku berbicara dengan Rasulullah tetapi baginda diam, lalu aku berbicara lagi dengan Rasulullah tetapi baginda diam juga. Lalu aku menggerakkan tungganganku dan menjauhkan diri. Aku berkata (sendirian), “celakalah wahai Ibn al-Khaṭṭab, engkau telah mendesak Rasulullah tiga kali dan semua itu tidak menyahutmu, pasti ayat al-Quran turun berkenaan denganmu. Kata ‘Umar lagi, “tidak lama kemudian aku mendengar seseorang menjerit memanggilku.” Kata ‘Umar, “lalu aku datang kepada Rasulullah dan baginda berkata (kepadaku), “wahai Ibn al-Khaṭṭab, telah turun kepadaku satu surah pada malam ini yang lebih aku sukai daripada sinaran matahari yang terbit, iaitu (firman Allah SWT) Sesungguhnya kami telah memberi kemenangan kepadamu dengan kemenangan yang nyata (al-Fath: 1).”²⁴
2. Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Ḥumaid”, katanya, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd al-Razzāq, daripada Ma‘mar, daripada Qatādah, daripada Anas berkata, “telah diturunkan ke atas Nabi SAW firman Allah SAW supaya Allah memberi keampunan kepadamu terhadap dosamu yang telah lalu dan yang akan datang (al-Fath: 2)”. Selepas pulang dari hudaibiyah, Nabi SAW bersabda, “telah turun kepada aku satu ayat yang lebih aku sukai daripada apa yang ada di atas muka bumi”. Setelah itu Nabi SAW membacakan ayat tersebut kepada mereka, lalu mereka berkata, “bergembiralah wahai Rasulullah, Allah telah menjelaskan kepadamu apa yang akan dilakukan terhadapmu, lalu apa yang akan dilakukan terhadap kami?”, lalu turun ayat (firman Allah SWT supaya Dia (Allah SWT) memasukkan orang-orang yang beriman sama ada lelaki mahupun wanita ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai … (hingga firman Allah SWT) … kejayaan yang besar (al-Fath: 5)”.²⁵
3. Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Ḥumaid, katanya, “telah menceritakan kepada aku Sulaimān bin Ḥarb”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Ḥammād bin Salamah, daripada Thābit, daripada Anas berkata, “bahwasanya 80 orang telah menyerang Rasulullah SAW dan para Sahabat daripada gunung Tan’im ketika solat subuh. Mereka mahu membunuh baginda, lalu mereka ditangkap. Kemudian Rasulullah SAW membebaskan mereka. Setelah itu, Allah SWT menurunkan ayat, “Dan dialah (Allah SWT) yang menahan tangan-tangan mereka daripada membinasakan kamu dan menahan tangan-tangan kamu daripada membinasakan mereka… (hingga akhir ayat) (Al-Fath: 24)”.²⁶
4. Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami al-Hasan bin Qaza’ah al-Baṣrī”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Sufyān bin Ḥabīb, daripada Syu’bah, daripada Thuwair, daripada bapanya, daripada al-Tufail bin Ubay bin Ka‘ab, daripada bapanya berkata, “Nabi bersabda”, “(Membaca firman Allah SWT) Dan Allah

²⁴ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī, Abwab Tafsir al-Quran, Bab Min Surah al-Fath*, No. 3262, h. 967.

²⁵ Ibid, No. 3263, h. 968

²⁶ Ibid, No. 3264, h. 968.



mewajibkan mereka kalimat taqwa (al-Fath: 26)". Sabda Nabi SAW lagi, "tiada Tuhan melainkan Allah".²⁷

Contoh penyusunan *hadīth-hadīth* ini menunjukkan bahawa al-Tirmidhī tidak meletakkan ayat yang kemudian mendahului ayat yang sebelumnya. Perkara ini berlaku secara konsisten pada *hadīth-hadīth* yang lain dalam *Abwāb al-Tafsīr* ini. Walau bagaimanapun terdapat segelintir *hadīth* yang tidak mengikut turutan ayat al-Quran, tetapi al-Tirmidhī hanya menjadikan *hadīth-hadīth* tersebut sebagai *Syawāhid*²⁸ atau *Mutāba 'āt*²⁹ kepada *hadīth* yang sebelumnya. Contohnya *hadīth* nombor 2962, al-Tirmidhī membawakan ayat 144 daripada *Surah al-Baqarah* yang berkaitan dengan perubahan kiblat iaitu dari menghadap *Bait al-Maqdis* kepada *Ka'bah* di *Masjid al-Haram* iaitu *hadīth* berikut,

Kata al-Tirmidhī, "telah menceritakan kepada kami Hannād", katanya, "telah menceritakan kepada kami Wāki", daripada Isrā'īl, daripada Abī Ishāq, daripada al-Barā' bin 'Āzib berkata, "Apabila Rasulullah tiba di Madinah, baginda telah solat menghadap ke *Bait al-Maqdis* selama enam belas atau tujuh belas bulan, namun Rasulullah berkeinginan untuk menghadap ke arah Ka'bah. Kemudian turun firman Allah SWT iaitu, "Kami melihat wajahmu (Muhammad) sering mendongak ke langit, maka kami akan palingkan engkau ke arah kiblat yang engkau senangi. Maka hadaplah wajahmu ke arah Masjid al-Haram. Dan di mana sahaja engkau berada, hadapkanlah wajahmu ke arah itu. Dan sesungguhnya orang-orang yang diberi kitab (Taurat dan Injil) tahu, bahawa (peralihan kiblat) itu adalah kebenaran daripada Tuhan mereka. Dan Allah tidak lalai terhadap apa yang mereka lakukan (*al-Baqarah*: 144)". Kemudian baginda mengadap wajahnya ke arah Ka'bah dan baginda sangat menyukainya. Ketika itu ada seseorang yang solat asar bersama baginda". Kata al-Barā', "kemudian lelaki itu melintasi sekelompok dari kaum Anṣār, mereka sedang rukuk ketika solat menghadap ke arah *Bait al-Maqdis*". Maka kata al-Barā' lagi, "Sahabat tersebut bersaksi bahawa beliau pernah solat asar bersama Rasulullah dan beliau telah dihadapkan ke arah Ka'bah". Kata al-Barā' lagi, "Mereka pun mengalihkan arah ketika mereka sedang rukuk".³⁰

Seterusnya bagi *hadīth* bernombor 2964³¹, al-Tirmidhī bawakan ayat ke-143 dari *Sūrah al-Baqarah* yang berkaitan dengan persoalan para Sahabat mengenai keadaan amalan saudara-saudara mereka yang telah wafat sebelum disyariatkan pertukaran arah kiblat kerana mereka solat menghadap ke arah *Bait al-Maqdis*. Lalu Allah SWT menjawab persoalan tersebut bahawa Allah SWT menerima amalan mereka. Walaupun secara zahirnya dilihat pada susunan *hadīth-hadīth* tersebut kelihatan tidak mengikut turutan ayat al-Quran yang sepatutnya menjadi *manhaj* al-Tirmidhī dalam penulisan *Abwāb al-Tafsīr* tetapi keadaan tersebut berlaku kerana *hadīth* bernombor 2964 dijadikan oleh al-Tirmidhī sebagai *syāhid* yang menafsirkan *hadīth* bernombor 2962 yang berkaitan dengan ayat 144 dari *Sūrah al-Baqarah* mengenai peralihan arah kiblat. *Hadīth* bernombor 2964 yang dijadikan *syāhid* itu adalah,

Kata al-Tirmidhī, "telah menceritakan kepada kami Hannād dan Abu 'Ammār", kata mereka, "telah menceritakan kepada kami Wāki", daripada Isrā'īl, daripada Simāk, daripada 'Ikrimah, daripada Ibn 'Abbās berkata, "Apabila Nabi SAW dihadapkan ke arah Ka'bah, para Sahabat bertanya, "Wahai

²⁷ Ibid, No. 3264, h. 968.

²⁸ *Syawahid* adalah *jama'* kepada *Syahid* yang bermaksud penyertaan seorang perawi dengan perawi yang lain dalam periyawatan *hadīth* daripada Sahabat yang berlainan sama ada dari sudut lafadz atau makna. Lihat: Syaraf al-Qudah, *al-Minhaj al-Hadīth fi 'Ulum al-Hadīth* ('Amman: Dar al-Faruq, 2013), h. 119.

²⁹ *Mutaba 'at* adalah *jama'* kepada *Mutaba 'ah* iaitu penyertaan seorang perawi dengan perawi yang lain dalam periyawatan *hadīth* daripada Sahabat yang sama dari sudut lafadz atau makna. Lihat: Syaraf al-Qudah, *al-Minhaj al-Hadīth fi 'Ulum al-Hadīth* ('Amman: Dar al-Faruq, 2013), h. 119. Muhammad Abu Laith Ābādi, *Mu'jam Mustalahat al-hadīth wa 'Ulumihi wa Asyharu al-Muṣannifin fihī* ('Amman: Dar al-Nafais, 2009), h. 126.

³⁰ Muhammad bin 'Isā al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Qurān*, *Bab Min Surah al-Baqarah*, No. 2962, h. 875.

³¹ Ibid, No. 2963, h. 875.



Rasulullah, bagaimana dengan saudara-saudara kami yang telah meninggal dunia, sedangkan mereka ketika itu menghadap ke arah Bait al-Maqdis?” Maka turun firman Allah SWT, “Dan Allah tidak akan mensia-siakan keimanan kamu (al-Baqarah: 143)”.³²

Berdasarkan *hadīth-hadīth* yang dilampirkan di atas menunjukkan bahawa *hadīth* ke-2964 adalah berkaitan dengan ayat 143 dalam *Surah al-Baqarah*, sedangkan *hadīth* yang sebelumnya iaitu *hadīth* ke-2962 berkaitan dengan ayat 144 daripada *Surah al-Baqarah*. Jelas di sini bahawa *manhaj* al-Tirmidhī dalam *Abwāb al-Tafsīr* adalah menyusun *hadīth-hadīth* mengikut turutan ayat al-Quran dalam sesuatu surah melainkan jika *hadīth* tersebut dimasukkan oleh al-Tirmidhī sebagai *syawāhid* atau *mutāba’āt* yang mentafsirkan *hadīth-hadīth* sebelumnya.

3.2 Mengemukakan *Hadīth* Dengan Rantaian Sanad Sehingga Kepada Nabi SAW

Antara *manhaj* al-Tirmidhī ialah meriwayatkan *hadīth-hadīth* dalam *Abwāb al-Tafsīr* dengan mengemukakan sanad yang penuh sehingga kepada Nabi SAW. Misalnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami Suwaid bin Nasr, katanya, “telah mengkhabarkan kepada kami ‘Abdullāh bin al-Mubārak, katanya, “telah mengkhabarkan kepada kami Sa‘īd bin Abī Ayyūb, daripada Yaḥyā bin Abī Sulaimān, daripada Sa‘īd al-Maqburi, daripada Abū Hurairah berkata, “Rasulullah SAW membaca ayat ini (firman Allah S.W.T), “Pada hari itu, bumi menceritakan berita-beritanya (al-Zalzalah: 4)”. Sabda Rasulullah SAW, “tahukah kamu apakah berita-beritanya itu?”. Para Sahabat menjawab, “Allah dan Rasulnya lebih mengetahui”. Baginda bersabda, “Sesungguhnya berita-berita tersebut adalah bumi akan bersaksi terhadap setiap hamba lelaki mahupun wanita mengenai apa yang telah mereka kerjakan di atasnya. Bumi tersebut berkata, “Ia telah berbuat demikian pada hari demikian dan inilah berita-beritanya”.³³

Hadīth ini telah diriwayatkan dengan sanad yang penuh dan lengkap melalui gurunya iaitu Suwaid bin Naṣr, daripada ‘Abdullāh bin al-Mubārak, daripada Sa‘īd bin Abī Ayyūb, daripada Yaḥyā bin Abī Sulaimān, daripada Sa‘īd al-Maqburi, daripada Abū Hurairah, daripada Nabi SAW yang dikategorikan oleh ulama *hadīth* sebagai *hadīth* yang *marfū’*.³⁴ sanadnya. Hal ini kerana *hadīth* tersebut telah disandarkan kepada Nabi SAW tanpa terhenti kepada mana-mana Sahabat atau *Tābi‘īn* atau selain mereka.³⁵ Walau bagaimanapun, terdapat juga *hadīth-hadīth* yang diriwayatkan secara *mauqūf*.³⁶ Misalnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami Abū Kuraib”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Ḥakkām bin Salm al-Rāzi, daripada ‘Amr bin Abī Qais, daripada Hajjāj, daripada al-Minhāl bin ‘Amr, daripada Zurr bin Ḥubaisy, daripada ‘Alī berkata, “kami masih ragu mengenai azab kubur sehingga turun firman Allah SWT, “Bermegah-megahan telah melalaikan kamu”.³⁷

³² Ibid, No. 2963, h. 875.

³³ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Quran*, Bab Min Surah Idha Zulzilat al-Ard, No. 3353, h. 997.

³⁴ *Marfu’* ialah *hadīth* yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada segi perkataan, perbuatan, *taqrir* dan sifat sama ada bersambung sanadnya ataupun terputus sanadnya, ia dinamakan sebagai *hadīth marfū’* sama ada *hadīth* tersebut *Mausul*, *Mursal*, *Muttasil* atau *Munqati’*. Lihat: Muhammad Abu Laith Abadi, *Ulum al-Hadīth Asiluha wa Ma’asiruhā* (Selangor: Dar al-Syakir, 2003), h. 138.

³⁵ Mahmud al-Tahhan, *Taisir Mustalah al-Hadīth* (al-Riyad: Maktabah al-Ma’arif, 2004), h. 160.

³⁶ *Hadīth mauqūf* ialah *hadīth* yang disandarkan kepada Sahabat. *Mauqūf* adalah kerana perawinya terhenti pada Sahabat dan tidak sampai (*marfū’*) hingga kepada Nabi SAW. *Hadīth mauqūf* juga dipanggil sebagai *hadīth* disebabkan perkataan tersebut mempunyai kemungkinan bahawa Sahabat mendengarnya daripada Nabi SAW. Lihat: Syaraf al-Quḍāh, *al-Minhāj al-Hadīth fi ‘Ulum al-Hadīth* (‘Amman: Dar al-Faruq, 2013), h. 141.

³⁷ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Quran*, Bab Min Surah Alhakum al-Takathur, No. 3355, h. 997.



Berdasarkan *hadīth* ini, sanadnya *mauqūf* kepada Sahabat bernama ‘Alī bin Abī Ṭālib R.A tetapi dihukumkan *marfū‘* kepada Nabi SAW. Hal ini kerana kandungan *hadīth* ini membicarakan mengenai azab kubur yang merupakan perkara ghaib. Ia tidak mungkin dapat dithabitkan oleh sesiapa pun melainkan dengan wahyu yang diwahyukan kepada Nabi SAW. Walaupun sanad ini *mauqūf* kepada Sahabat namun dihukum *marfū‘* kepada Nabi SAW yang telah diistilahkan oleh ulama *hadīth* sebagai *mauqūf lafzān marfū‘ hukmān*.³⁸ Oleh itu, ini menunjukkan bahawa al-Tirmidhī membawakan setiap *hadīth* dalam *Abwāb al-Tafsīr* dengan sanad yang penuh daripada al-Tirmidhī hingga kepada Nabi SAW walaupun terdapat beberapa *hadīth* yang *mauqūf* sanadnya kepada para Sahabat.

3.3 Menyatakan Status *Hadīth*

Antara kelebihan penulisan al-*Jāmi’* berbanding penulisan *kutub al-Sittah* yang lain adalah dinyatakan status *hadīth* terhadap *hadīth-hadīth* yang diriwayatkannya termasuk *hadīth-hadīth* dalam *Abwāb al-Tafsīr*. Hal ini memudahkan untuk mengetahui kedudukan *hadīth* yang diriwayatkan. Misalnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami Abū Kuraib dan Abū Bakr bin Bundār”, kata mereka, “telah menceritakan kepada kami Wakī‘, daripada Sufyān, daripada Ziyād bin Ismā‘īl, daripada Muhammad bin ‘Abbād bin Ja‘far al-Makhzūmi, daripada Abū Hurairah berkata, “Orang-orang musyrik Quraysh telah datang berdebat dengan Nabi SAW mengenai takdir. Lalu turun ayat (firman Allah SWT), “(Ingatlah) Pada hari mereka diseret ke neraka di atas muka-muka mereka, (dikatakan kepada mereka), “Rasakanlah sentuhan api neraka! Sesungguhnya kami menciptakan segala sesuatu itu dengan ukuran (takdir) ”. Kata Abū ‘Isā (al-Tirmidhī), “Hadīth ini adalah *hasan* lagi *sahīh* ”.³⁹

Al-Tirmidhī telah menyatakan status pada bahagian akhir *hadīth* berkenaan iaitu *hadīth* ini *hasan sahibh*. Status *hadīth* ini merupakan *ijtihād* dan penilaian al-Tirmidhī tanpa mewakili penilaian ulama *hadīth* yang lain. Buktinya terdapat sebahagian daripada status *hadīth* yang dinyatakan berbeza dengan penilaian *Muhaddithin* yang lain kerana terdapat *hadīth* yang beliau nilai sebagai *sahīh*, dianggap *da’if* atau *hasan* bagi ulama *hadīth* yang lain.⁴⁰ Selain menyatakan status *hadīth* dengan pelbagai istilah seperti *hasan sahibh*, *sahīh*, *hasan*, *gharib* dan seumpamanya. Al-Tirmidhī juga didapati menggunakan *ṣīghah hādhā al-hadīth aşāḥ* atau *aşāḥ min riwāyah fulān* atau seumpamanya yang merujuk kepada *hadīth* atau riwayat yang lebih *rājiḥ* dan lebih kurang keda’ifannya. *Ṣīghah* tersebut tidak menandakan *hadīth* atau riwayat tersebut semestinya *sahīh* kerana boleh jadi *hadīth* tersebut dinilai *hasan* mahupun *da’if*.⁴¹ Misalnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami al-Ḥusain bin Ḥuraith al-Khuza‘ī, katanya, “telah menceritakan kepada kami al-Fadl bin Mūsā, daripada Muhammad bin ‘Amr, daripada Abū Salamah, daripada Abū Hurairah berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya orang yang mulia, anak kepada orang yang mulia, anak kepada orang yang mulia, anak kepada orang yang mulia iaitu Yūsuf bin Ya‘qūb bin Ishāq bin Ibrāhīm”. Baginda bersabda lagi, “Seandainya aku tinggal di penjara sebagaimana yang dialami oleh Yūsuf, lalu datang utusan kepada aku (untuk membawa aku keluar daripada penjara), tentu aku akan sahut panggilan itu”. Lalu baginda membaca ayat, “Ketika utusan itu datang kepadanya, dia (Yūsuf) berkata, kembalilah kepada tuanmu dan tanyakan kepadanya bagaimana keadaan wanita-wanita yang telah melukai tangannya (Yūsuf: 50)”. Baginda bersabda

³⁸ Muhammad Abu Laith Abadi, ‘Ulum al-Hadīth Asiluha wa Ma ‘asiruha (Selangor: Dar al-Syakir, 2003), h. 139.

³⁹ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Qurān*, Bab Min Surah al-Qamar, No. 3290, h. 974.

⁴⁰ Nūr al-Dīn ‘Itr, *al-Imām al-Tirmidhī wa al-Muwāzanaḥ baina Jāmi’uhu wa baina al-Ṣaḥīḥain* (al-Qāhirah: Matba‘ah Lajnah al-Ta’līf wa Tarjamah wa al-Nasyr 1970), h. 290 – 291.

⁴¹ SAKAT, Ahamad Asmadi. Metodologi Penulisan Kitab Al-Jami’ Karya Imam Al-Tirmidhi: Tumpuan Kepada Meriwayat Hadis dalam Bab Tertentu. *Jurnal Usuluddin*, [S.I.], v. 12, p. 45-58, dec. 2000. ISSN 0128-0708.

⁴¹ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2009), h. 870 – 1001.



lagi, “Dan rahmat Allah ke atas Lūt ketika beliau hendak berlindung kepada keluarga yang kuat apabila beliau (Lūt) berkata (Nabi SAW membaca ayat), “Telah berkata (Lūt), seandainya aku mempunyai kekuatan untuk menolak kamu atau jika aku dapat berlindung kepada keluarga yang kuat (nescaya aku akan lakukan) (Hūd : 80). Dan Allah tidak mengutus seorang Nabi setelah dia melainkan daripada keturunan yang teratas kaumnya”. Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami Abū Kuraib”, katanya, “telah menceritakan kepada kami ‘Abdah dan ‘Abd al-Rahīm, daripada Muhammad bin ‘Amr seumpama *hadīth* al-Fadl bin Mūsā (dari sudut maknanya), melainkan Baginda bersabda, “Allah tidak akan mengutus seorang selepasnya melainkan daripada kaum yang paling banyak”. Kata Abū ‘Isā (al-Tirmidhī), “(riwayat) ini lebih kuat daripada riwayat al-Fadl bin Mūsā, dan ini adalah *hadīth hasan*”.⁴²

Melalui *hadīth* ini, al-Tirmidhī menyatakan bahawa *hadīth* riwayat Abū Kuraib daripada ‘Abdah dan ‘Abd al-Rahīm lebih kuat daripada riwayat al-Fadl bin Mūsā. Walaupun demikian, al-Tirmidhī mengatakan bahawa *hadīth* riwayat Abū Kuraib itu adalah berstatus *hasan*. Ini menunjukkan bahawa al-Tirmidhī melakukan proses *tarjīh* terhadap dua riwayat *hadīth* yang sama.

3.4 Memberi Komentar Terhadap *Hadīth*

Salah satu *manhaj* al-Tirmidhī dalam *Abwāb al-Tafsīr* adalah memberi komentar terhadap sebahagian *hadīth* yang diriwayatkan. Misalnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Ḥumaid, katanya, “telah menceritakan kepada kami Ḥabbān bin Hilāl, katanya, “telah menceritakan kepada kami Suhail bin ‘Abdillah iaitu Ibn Abī Hazm yang merupakan saudara lelaki kepada Ḥazm al-Quṭā‘iy, katanya, “telah menceritakan kepada kami Abu ‘Imrān al-Jauniy, daripada Jundab bin ‘Abdillah, katanya, “telah bersabda Rasulullah SAW, “Sesiapa yang mengatakan tentang al-Quran dengan pendapatnya sendiri, maka dia tetap salah walaupun pendapatnya betul ”.⁴³

Hadīth ini berkaitan dengan larangan mentafsirkan al-Quran dengan pandangan sendiri tanpa disiplin ilmu disusuli dengan komentar al-Tirmidhī iaitu,

“Demikianlah telah diriwayatkan daripada sebahagian para Sahabat Nabi SAW dan selain mereka bahawa mereka amat berdisiplin dalam perkara ini iaitu mentafsirkan al-Quran tanpa sandaran ilmu. Adapun yang diriwayatkan oleh Mujāhid, Qatādah dan lain-lain dalam kalangan ahli ilmu bahawa mereka mentafsirkan al-Quran bukan daripada prasangka mereka semata-mata sehingga mereka memperkatakan mengenai al-Quran atau menafsirkan ayat al-Quran tanpa mempunyai ilmu atau bersumberkan diri mereka sendiri. Sesungguhnya telah diriwayatkan daripada mereka yang membuktikan terhadap apa yang kami katakan adalah bahawa mereka tidak membicarakan tentang al-Quran daripada diri mereka sendiri tanpa mempunyai ilmu”.⁴⁴

Dalam ulasan ini menjelaskan bahawa para *Salaf al-Sāliḥ* merupakan generasi yang amat berdisiplin dalam mentafsirkan atau memperkatakan sesuatu mengenai al-Quran. Mereka tidak sewenang-wenangnya menafsirkan al-Quran mengikut hawa nafsu semata-mata tanpa mempunyai asas ilmu yang betul. Sekaligus beliau menafikan tanggapan salah terhadap tokoh-tokoh tafsir al-Quran dalam kalangan *Tābi‘īn* seperti Mujāhid, Qatādah dan lain-lain yang mentafsirkan al-Quran mengikut prasangka sendiri atau akal semata-mata.

⁴² Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwab Tafsir al-Quran*, Bab Min Surah Yusof, No. 3116, h. 921.

⁴³ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwab Tafsir al-Quran*, Bab Ma Ja`a fi Yufassir al-Quran bi Ra’yihi, No. 2952, h. 871. Al-Tirmidhi menilai *hadīth* ini sebagai *gharib*.

⁴⁴ Ibid.



3.5 Menjelaskan ‘Illah Sesuatu Ḥadīth

Al-Tirmidhī apabila meriwayatkan *ḥadīth-ḥadīth* yang *da’if* dalam *Abwāb al-Tafsīr*, lazimnya beliau akan menyingkap ‘illah yang terdapat pada *ḥadīth* tersebut supaya dapat diketahui punca kedaifannya. Misalnya pada *ḥadīth* kelima dalam *Bāb Min Sūrah Hūd* iaitu,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Humaid, katanya, “telah menceritakan kepada kami Ḥusain bin ‘Alī al-Ju’fiy, daripada Zaidah, daripada ‘Abd al-Malik bin ‘Umair, daripada ‘Abd al-Rahman bin Abī Lailā, daripada Mu‘adh bin Jabal, katanya, “telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW lalu berkata, “Wahai Rasulullah, apa pandangan engkau jika seorang lelaki bertemu dengan seorang wanita padahal mereka tidak saling mengenali, dan lelaki itu bercumbu dengan wanita tersebut tetapi tidak sampai menggaulinya?” Nabi SAW bersabda, “maka Allah SWT menurunkan ayat yang menyatakan, “Dan dirikanlah solat pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan pada bahagian permulaan malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan baik itu menghapuskan amalan-amalan buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang selalu mengingati (Allah SWT) (Hūd: 114)”. Maka Nabi SAW menyuruhnya berwuduk dan menunaikan solat. Mu‘adh berkata, “Aku bertanya kepada Rasulullah SAW, wahai Rasulullah, apakah ayat ini hanya khusus baginya atau untuk kaum mukminin secara keseluruhannya?” Jawab baginda, “Bahkan untuk kaum mukminin secara keseluruhannya”⁴⁵

Berdasarkan *ḥadīth* ini, al-Tirmidhī menjelaskan ‘illah yang terdapat pada *ḥadīth* tersebut iaitu, “*ḥadīth* ini sanadnya tidak bersambung kerana ‘Abd al-Rahman bin Abī Lailā tidak pernah mendengar *ḥadīth* daripada Mu‘adh bin Jabal, malah Mu‘adh bin Jabal telah meninggal dunia pada zaman pemerintahan ‘Umar al-Khattab. Ketika ‘Umar dibunuh, ‘Abd al-Rahman bin Abī Lailā masih kecil berumur enam tahun.”⁴⁶ Ini jelas menunjukkan bahawa Ibn Abī Lailā tidak pernah mendengar *ḥadīth* daripada Mu‘adh bin Jabal. Penjelasan al-Tirmidhī ini menyingkap ‘Illah yang tersembunyi iaitu sanadnya tidak bersambung.

3.6 Mengemukakan *Turuq* Yang Berlainan Pada Sesuatu Ḥadīth

Antara *manhaj* penulisan al-Tirmidhī dalam *Abwāb al-Tafsīr* ialah beliau membawakan *turuq* yang berlainan bagi sanad asal *ḥadīth*. *Turuq* yang berlainan tersebut dikemukakan dengan beberapa pendekatan iaitu,

Pertama: Mengumpulkan sanad *ḥadīth* yang pelbagai dalam satu *misāq* (ungkapan) sama ada dalam bentuk *al-‘Atf bayna al-Shuyūkh* atau *al-Taḥwīl bayna al-Isnād*. Maksudnya, apabila sesuatu *ḥadīth* yang sama dari segi lafadz ataupun makna memiliki dua sanad (*turuq*) yang berlainan atau lebih, al-Tirmidhī akan menghimpunkan sanad-sanad tersebut dalam satu *misāq*. Kemudian sanad-sanad yang dihimpunkan itu akan dikemukakan dengan dua bentuk.

1. Bentuk yang pertama ialah *al-‘Atf bayna al-Shuyūkh*, iaitu al-Tirmidhī akan menggabungkan perawi-perawi yang meriwayatkan daripada guru yang sama dengan menggunakan *sīghah haddathānā fulān wa fulān*.⁴⁷ Contohnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami Abū Sa‘īd al-Asyāj dan Muhammad bin al-Muthannā”, mereka berkata, “telah menceritakan kepada kami Ibn Idrīs, daripada bapanya, daripada Simāk bin Ḥarb, daripada ‘Alqamah bin Wā’il, daripada Mughīrah bin Syu‘bah”, katanya, “Rasulullah SAW pernah menghantarku ke Najran, lalu mereka (penduduk Najran) bertanya kepadaku, “bukankah kamu mengungkapkan, “Wahai saudara perempuan Harun (Maryam: 28), dan adakah antara ‘Īsā dan Mūsā terjalin kekerabatan yang sangat erat?” Maka aku tidak tahu

⁴⁵ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Qurān*, *Bab Min Surah Hud*, No. 3113, h. 920.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Sa‘ad bin Abdullah Āli Humaid, *Manahij al-Muhaddithin* (Riyāḍ: Dar ‘Ulum al-Sunnah, 1999), h. 95.



menjawabnya, lalu aku kembali kepada Rasulullah SAW dan memberitahunya. Baginda menjawab, “apakah engkau tidak memberitahu mereka bahawa mereka biasa menyebut nabi-nabi mereka dan orang-orang salih sebelum mereka?”⁴⁸

Berdasarkan sanad *ḥadīth* ini menunjukkan bahawa al-Tirmidhī menghimpunkan dua sanad yang berlainan dalam satu *ṣīghah al-Taḥammul wa al-Adā’*. *Tāriq* pertama adalah Abu Sa‘īd al-Asyaj daripada Ibn Idrīs, manakala *tāriq* kedua adalah Muhammad bin al-Muthannā daripada Ibn Idrīs. Kedua-dua *turuq* tersebut bertemu pada perawi yang sama iaitu Ibn Idrīs, maka al-Tirmidhī menggabungkan kedua-dua *turuq* itu dengan menggunakan *ṣīghah haddathanā Abū Sa‘īd al-Asyaj wa Muḥammad bin al-Muthannā*.

2. Bentuk kedua dalam mengumpul sanad yang pelbagai dalam satu *misāq* sanad adalah *al-Tahwīl bayna al-Isnād*. Bentuk ini adalah isyarat yang menunjukkan perpindahan satu sanad kepada sanad yang lain dengan menggunakan simbol huruf *ha’*.⁴⁹ Contohnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami Qutaibah, daripada Mālik bin Anas, kata (al-Tirmidhī), ‘*ha’* (diriwayatkan daripada jalur lain) telah menceritakan kepada kami al-Anṣārī daripada Ma‘n”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Mālik, daripada Zaid bin Aslam, daripada al-Qa‘qa‘ bin Hakīm, daripada Abī Yūnus, katanya, “Āisyah pernah memerintahkan aku untuk menulis mushaf untuknya, maka beliau berkata, “bila engkau sampai pada ayat ini, beritahulah kepadaku, “Peliharalah solat-solat kamu dan *al-Wuṣṭā* (al-Baqarah: 238)”. Apabila aku sampai pada ayat tersebut, maka aku memberitahunya, “lalu beliau mengajar aku”, “Peliharalah solat-solat kamu, solat *al-Wuṣṭā* dan solat Asar, maka dirikanlah (solat-solat itu) kerana Allah dengan khusyuk”. Beliau berkata lagi, “Aku telah mendengarnya daripada Rasulullah SAW”. Dalam bab ini, terdapat *ḥadīth* yang sama daripada Hafṣah.”⁵⁰

Berdasarkan *ḥadīth* ini, al-Tirmidhī meriwayatkannya daripada dua sanad berlainan iaitu *tāriq* Qutaibah daripada Mālik bin Anas dan *tāriq* al-Anṣārī daripada Ma‘n daripada Anas bin Mālik. Kedua *tāriq* bertemu kepada perawi yang sama iaitu Mālik bin Anas. Ini menunjukkan bahawa perpindahan sanad berlaku selepas simbol huruf *ha’* iaitu daripada *tāriq* Qutaibah daripada Mālik bin Anas kepada *tāriq* al-Anṣārī daripada Ma‘n.

Kedua-dua bentuk bagi pengumpulan sanad-sanad *ḥadīth* dalam satu *misāq* yang dikemukakan di atas digunakan apabila martabat para perawi itu sama di samping *ḥadīth-hadīth* yang diriwayatkan mempunyai persamaan sama ada dari segi lafaz ataupun makna.⁵¹

Kedua: Mengemukakan *sanad-sanad* lain bagi ses sebuah *ḥadīth* dengan disertakan *matan* bagi setiap *sanad*. Pendekatan ini sebenarnya mempunyai beberapa tujuan iaitu menzahirkan lafaz-lafaz tambahan yang terdapat dalam *matan ḥadīth*, mengemukakan percanggahan riwayat dalam kalangan perawi berhubung dengan *matan ḥadīth* dan menerangkan ‘illah yang terdapat dalam *ḥadīth*.⁵² Pendekatan ini dapat dilihat melalui contoh *ḥadīth* seperti berikut,

⁴⁸ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī, Abwab Tafsir al-Quran, Bab Min Surah Maryam*, No. 3155, h. 933. Al-Tirmidhi menilai *ḥadīth* ini *hasan sahibh gharib*.

⁴⁹ Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah, *al-Wasiṣ fi ‘Ulum Muṣṭalah al-Ḥadīth* (al-Qahirah: ‘Ālim al-Ma‘rifah, 1983), h. 137.

⁵⁰ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī, Abwab Tafsir al-Quran, Bab Min Surah al-Baqarah*, No. 2982, h. 880-281.

⁵¹ SAKAT, Ahamad Asmadi. Metodologi Penulisan Kitab Al-Jami' Karya Imam Al-Tirmidhi: Tumpuan Kepada Meriwayat Hadis dalam Bab Tertentu. *Jurnal Usuluddin*, [S.I.], v. 12, p. 45-58, dec. 2000. ISSN 0128-0708.

⁵² Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2009), h. 870 – 1001.

⁵² Ibid.



Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami Ahmad bin Manī‘ dan ‘Abd bin Ḥumaid, mereka berkata, “telah menceritakan kepada kami Yazīd bin Ḥarūn, katanya, “telah mengkhabarkan kepada kami Ḥumaid, daripada Anas, katanya, “Bahawa Rasulullah SAW mengalami kelukaan pada wajahnya dan keretakan pada rahangnya serta bahunya kerana terkena panah, sehingga wajah baginda mengalirkan darah, lalu baginda mengusapnya sambil bersabda, “Bagaimana mungkin suatu kaum akan beruntung sedangkan mereka memperlakukan Nabi mereka seperti ini”. Maka turunlah ayat, “tiada sedikit pun campur tanganmu dalam urusan mereka atau Allah akan menerima taubat mereka atau mengazab mereka kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang zalim (Ālī ‘Imrān: 128)”.⁵³

Hadīth ini diriwayatkan melalui sanad Ahmad bin Manī‘ dan ‘Abd bin Ḥumaid daripada Yazīd bin Ḥarūn. Kemudian al-Tirmidhī membawakan *hadīth* berikutnya bernombor 3004 yang turut berkaitan dengan ayat 128 dari *Surah Ālī ‘Imrān* iaitu,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami Abū Sāib Salm bin Junādah al-Kūfī”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Ahmad bin Basyīr, daripada ‘Umar bin Ḥamzah, daripada Sālim bin ‘Abdillah bin ‘Umar, daripada bapanya”, katanya, “Rasulullah SAW bersabda pada hari peperangan Uhud, “Ya Allah lakanlah Abū Sufyān, ya Allah lakanlah al-Ḥārith bin Hisyām, ya Allah lakanlah Ṣafwān bin Umayyah”. Lalu turunlah ayat, “tidak ada sedikit pun campur tanganmu dalam urusan mereka atau Allah akan menerima taubat mereka atau mengazab mereka (Ālī ‘Imrān: 128)”. Kemudiannya Allah mengampunkan mereka dan akhirnya mereka masuk Islam dengan keislaman yang baik”.⁵⁴

Hadīth ini diriwayatkan daripada *tāriq* yang berbeza iaitu melalui *tāriq* Abū Sā’ib Salm bin Junādah al-Kūfī daripada Ahmad bin Basyīr. *Hadīth* ini juga adalah *syāhid* kepada *hadīth* sebelumnya yang lebih memperincikan *Sabab al-Nuzūl* ayat 128 dalam *Sūrah Ālī ‘Imrān* bahawa Rasulullah SAW mendoakan kelaknatan terhadap ketiga-tiga pembesar Quraysh yang memerangai baginda sehingga menyebabkan Nabi SAW cedera parah. Lalu Allah SWT menegur doa Nabi tersebut dan memperingatkan baginda bahawa urusan memberi hidayah, menerima taubat dan mengazab adalah urusan Allah SWT sahaja sehingga akhirnya kesemua mereka yang Nabi doakan itu memeluk Islam dengan baik. Selain itu, *hadīth* ini juga menjelaskan bahawa ayat ini turun ketika peperangan Uhud yang tidak dijelaskan pada *hadīth* sebelum itu. Justeru, *hadīth* ini menunjukkan bahawa al-Tirmidhī memasukkan sanad berlainan berserta *matannya* adalah untuk memberi nilai tambah dari segi lafaz-lafaz tambahan kepada *hadīth* sebelumnya.

Ketiga: Mengemukakan *sanad-sanad* yang berlainan secara penuh bagi sesebuah *hadīth* di samping menyebut *matannya* secara isyarat sama ada dengan lafaz *mithlahu* mahupun *nahwahu*. Justeru apabila al-Tirmidhī menyebut *mithlahu* pada akhir sanad *hadīth* bermakna lafaz *matan hadīth* tersebut adalah sama dengan lafaz *matan hadīth* sebelumnya tanpa berlaku perbezaan.⁵⁵ Namun apabila al-Tirmidhī menyebut *nahwahu* pada akhir *sanad hadīth* bermakna *matan hadīth* tersebut adalah sama dengan *matan hadīth* sebelumnya dari sudut makna tetapi berbeza sedikit dari sudut lafaz.⁵⁶

Keempat: Menyebut sanad lain secara ringkas tanpa menyebut *matannya*. Pendekatan ini dapat dilihat apabila al-Tirmidhī meriwayatkan sesebuah *hadīth* dalam *Abwāb al-Tafsīr* yang mempunyai sanad yang penuh berserta *matannya*, lalu beliau menyebutkan *sanad* yang lain secara ringkas (tidak

⁵³ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Qurān*, Bab Min *Surah Ālī ‘Imran*, No. 3003, h. 886. Al-Tirmidhī menilai *hadīth* ini *hasan sahib*.

⁵⁴ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Qurān*, Bab Min *Surah Ālī ‘Imran*, No. 3004, h. 886. Al-Tirmidhī menilai *hadīth* ini *hasan gharib*.

⁵⁵ Muhammad Abu Laith Ābadī, *Mu’jam Mustalahat al-hadīth wa ‘Ulumihi wa Asyharu al-Muṣannifin fihi* (‘Amman: Dar al-Nafais, 2009), h. 132.

⁵⁶ Ibid, h. 159.



penuh) tanpa mempunyai *matannya* sekali. Tujuannya adalah untuk memberi isyarat tentang kewujudan *sanad-sanad* lain bagi *hadīth* tersebut yang dapat dijadikan sebagai *syawāhid* atau *mutāba‘āt*.⁵⁷ Selain itu, pendekatan ini juga berlaku dalam dua keadaan iaitu secara *ṣariḥ* (jelas) dan tidak *ṣariḥ*. Keadaan yang pertama dapat dilihat apabila al-Tirmidhī menyebut *sanad-sanad* secara ringkas iaitu beliau akan menyebut nama perawinya secara jelas. Manakala keadaan kedua pula adalah al-Tirmidhī menyebut *sanad* yang lain secara ringkas tanpa menjelaskan secara *ṣariḥ* nama perawi.

Kelima: Mengisyaratkan kewujudan *sanad* lain yang berkaitan dengan bab tersebut dengan menggunakan ungkapan *wa fi al-bāb ‘an fulān wa fulān*. Pendekatan ini dapat dilihat pada beberapa tempat dalam *Abwāb al-Tafsīr* apabila al-Tirmidhī mengemukakan sesebuah *hadīth* yang memiliki *sanad* yang penuh beserta *matannya*, lalu beliau menyertakan isyarat dengan menyebut *wa fi al-bab ‘an fulan wa fulan*. Ungkapan *wa fi al-bab ‘an fulan wa fulan* adalah isyarat kepada *hadīth-hadīth* yang tidak disebut oleh al-Tirmidhi dalam sesuatu bab, tetapi *hadīth-hadīth* tersebut sesuai untuk disebut dalam bab berkenaan, di samping ia menjadi *syawāhid* kepada *hadīth-hadīth* yang disebutkan dalam bab itu walaupun kadang-kala *hadīth-hadīth* tersebut mempunyai kaitan yang sedikit sahaja dengan mengisyaratkan kepada nama-nama Sahabat yang meriwayatkan *hadīth* tersebut.⁵⁸

3.7 Menerangkan Nama Sebenar Perawi Yang Dikenali Dengan Kunyah

Salah satu *manhaj* al-Tirmidhī dalam *Abwāb al-Tafsīr* ialah menerangkan nama sebenar perawi yang dikenali dengan *kunyah* pada *sanad hadīth*. Misalnya,

Kata al-Tirmidhī, “Telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Ḥumaid”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Ja‘far bin ‘Aun”, katanya, “telah menghabarkan kepada kami Abū Janāb al-Kalbī, daripada al-Ḍāḥḥāk bin Muzāḥim, daripada Ibn ‘Abbās, katanya, “Sesiapa yang memiliki harta yang boleh menyampaikannya untuk megerjakan haji di rumah Tuhanmu (Ka‘bah) atau menjadi wajib ke atasnya untuk menunaikan zakat, namun beliau tidak melakukannya, nescaya beliau akan meminta untuk dikembalikan (ke dunia) ketika mati”. Maka kata seorang lelaki, “Wahai Ibn ‘Abbās! Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya mereka yang meminta untuk kembali ke dunia hanyalah orang-orang kafir”. Lalu kata Ibn ‘Abbas, “Aku akan membacakan al-Quran kepadamu berkenaan hal tersebut, (firman Allah SWT), “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (menjalankan perintahnya). Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi. Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang kami berikan kepada kamu sebelum seseorang daripada kamu sampai ajal maut kepadanya, maka dia (pada saat itu) akan merayu ‘Wahai Tuhanmu, alangkah baiknya kalau engkau lambatkan sedikit sahaja tempoh kedatangan ajalku supaya aku dapat bersedekah...’ hingga ayat ‘Dan Allah maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan (al-Munāfiqūn: 9 -11)’. Lelaki itu bertanya, “Apakah yang mewajibkan untuk menunaikan zakat?” Jawab Ibn ‘Abbās, “Apabila harta telah sampai dua ratus dirham ke atas”. Tanya lelaki itu lagi, “Apakah yang mewajibkan untuk mengerjakan haji?” Jawab Ibn ‘Abbās, “Bekalan dan unta”.

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Ḥumaid”, katanya, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd al-Razzāq, daripada al-Thaurī, daripada Yaḥyā bin Abī Hayyāh, daripada al-Ḍāḥḥāk, daripada Ibn ‘Abbās, daripada Nabi SAW seumpama itu. Demikian Sufyān bin ‘Uyaynah dan lebih daripada seorang meriwayatkannya daripada Abu Janab, daripada al-Ḍāḥḥāk, daripada Ibn ‘Abbās, lafaznya itu tidak memarfu ‘kannya’. Dan ini lebih kuat (riwayatnya) daripada riwayat ‘Abd

⁵⁷ Yasir al-Syimali, *al-Wadih fi Manahij al-Muhaddithin* ('Amman: Dar al-Hamid, 2006), h. 182-183. SAKAT, Ahamad Asmadi. Metodologi Penulisan Kitab Al-Jami' Karya Imam Al-Tirmidhi: Tumpuan Kepada Meriwayat Hadis dalam Bab Tertentu. *Jurnal Usuluddin*, [S.I.], v. 12, p. 45-58, dec. 2000. ISSN 0128-0708.

⁵⁸ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī* (Riyād: Dār al-Salām, 2009), h. 870 – 1001.

⁵⁸ Yasir al-Syimali, *al-Wadih fi Manahij al-Muhaddithin*, h. 185.



al-Razzaq. Abu Janab al-Qassab, namanya ialah Yahya bin Abu Hayyah dan beliau tidak kuat dalam *hadīth*.⁵⁹

Hadīth ini menunjukkan bahawa terdapat seorang perawi yang dikenali dengan *kunyah* iaitu Abū Janāb, lalu dinyatakan nama sebenarnya ialah Yahyā bin Abū Hayyah.

3.8 Menyatakan Nama yang *Mubham* dalam *Matan*

Al-Tirmidhī menjelaskan nama yang *mubham* yang terdapat dalam *matan hadīth*. *Mubham* dari segi istilah ialah seseorang yang tidak dijelaskan nama sebenarnya melainkan hanya menggunakan ganti nama seperti fulan, bapa, ibu, bapa saudara, lelaki dan lain-lain.⁶⁰ Hal ini menyukarkan untuk mengetahui identiti sebenar perawi berkenaan. Misalnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Ḥumaid”, katanya, “Yazīd bin Hārūn”, katanya, “telah menghabarkan kepada kami Ḥumaid al-Ṭawīl, daripada Anas bin Mālik bahawa bapa saudaranya tidak hadir dalam peperangan badar, kata (bapa saudaranya), “Aku tidak hadir dalam peperangan pertama Rasulullah SAW memerangi kaum musyrikin, sekiranya Allah menyertakan aku dalam peperangan (berikutnya) melawan kaum musyrikin nescaya Allah akan melihat bagaimana aku lakukan”. Pada waktu peperangan Uhud, kaum Muslimin menjadi kucar-kacir, maka dia (bapa saudaranya) berkata, “Ya Allah, sesungguhnya aku membebaskan diriku padamu dari apa yang dibawa oleh mereka (kaum musyrikin) dan aku memohon ampunan padamu dari apa yang mereka (kaum muslimin) lakukan. Kemudian beliau maju ke hadapan, lalu bertemu dengan Sa‘ad, maka Sa‘ad berkata, “Wahai Saudaraku, apa kamu lakukan sedangkan aku tetap bersamamu, aku tidak mampu untuk melakukan apa yang dia telah lakukan. Ternyata ditubuhnya terdapat lapan puluh lebih tetakkan pedang, tusukan tombak dan tancapan panah. Maka kami mengatakan berkenaan dengannya dan para Sahabatnya, maka turun ayat, “maka di antara mereka ada yang gugur, ada di antara mereka yang menunggu-nunggu dan mereka tidak mengubah (janjinya) (al-Ahzāb: 23).” Yazīd berkata, “maksudnya ayat tersebut. Kata Abū ‘Isā (al-Tirmidhī), “*Hadīth* ini hasan lagi *sahīh*. Nama bapa saudaranya adalah Anas bin Nadr.”⁶¹

Lafaz ‘ammu dalam *hadīth* ini adalah lafaz yang *mubham* yang bermaksud bapa saudara atau pakcik sebelah ayah yang merujuk kepada bapa saudara Anas bin Mālik. Nama sebenar beliau tidak dijelaskan dalam *matan hadīth*. Lalu al-Tirmidhī menjelaskan nama sebenar beliau ialah Anas bin Nadr.

3.9 Mengistinbāt Hukum Daripada *Hadīth* Yang Menafsirkan Ayat Al-Quran

Dalam *Abwāb al-Tafsīr*, didapati al-Tirmidhī melakukan *istinbāt* hukum fiqh daripada *hadīth-hadīth* yang dijadikan sebagai tafsiran terhadap ayat al-Quran. Misalnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Ḥumaid”, katanya, “telah menceritakan kepada kami al-Ḥāsyim bin al-Qāsim, daripada al-Mubārak bin Faḍālāh, daripada al-Ḥasan, daripada Ma‘qil bin Yasār bahawa beliau pernah mengahwinkan saudara perempuannya dengan seorang lelaki daripada kaum Muslimin pada zaman Rasulullah SAW lalu saudara perempuannya tinggal bersama suaminya beberapa tempoh waktu. Kemudian, lelaki tersebut menceraikannya tanpa beliau merujuknya sehingga tamat tempoh ‘iddah. Setelah itu, lelaki tersebut kembali merinduinya dan begitu juga wanita itu merindui lelaki tersebut. Kemudian lelaki itu meminang kembali wanita tersebut. Lalu Ma‘qil berkata kepada lelaki itu, “Aku telah memuliakan kamu dengannya dan aku telah menikahkannya dengan kamu lalu kamu menceraikannya. Demi Allah, dia tidak akan kembali

⁵⁹ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwab Tafsir al-Quran*, Bab Min Surah al-Munafiqin, No. 3316, h. 983-984.

⁶⁰ Mahmud al-Tahhan, *Taisir Mustalah al-Hadith* (al-Riyad: Maktabah al-Ma’arif, 2004), h. 259.

⁶¹ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwab Tafsir al-Quran*, Bab Min Surah al-Ahzab, No. 3201, h. 949-950.



kepada kamu buat selama-lamanya, inilah kesempatan terakhir kamu”. Kata perawi, “Allah SWT mengetahui hajat lelaki itu kepada saudara perempuan Ma‘qil dan hajat saudara perempuan Ma‘qil kepada lelaki tersebut”. Lalu Allah SWT menurunkan ayat dengan firmanya, “Dan apabila kamu mentalakkannya isteri-isteri kamu, lalu mereka mendekati tempoh akhir ‘iddahnya...” sehingga sampai ayat “sedangkan kamu tidak mengetahui (al-Baqarah: 232).” Apabila Ma‘qil mendengar ayat ini lalu dia berkata, “Aku dengar dan patuh pada Tuhanmu”. Kemudian dia memanggil lelaki itu dan berkata kepadanya, “Aku nikahkan engkau dan aku muliakan engkau”.⁶²

Hadīth tersebut berkaitan dengan Ma‘qil bin Yasār yang menghalang saudara perempuannya daripada berkahwin dengan bekas suaminya semula dan menolak pinangan bekas suami saudara perempuannya secara lantang walaupun mereka saling menyukai antara satu sama lain. Lalu Allah SWT menurunkan ayat 232 dari *Surah al-Baqarah* yang menegur perbuatan Ma‘qil itu hingga *hadīth* tersebut dianggap sebagai *Sabab al-Nuzūl*⁶³ kepada ayat berkenaan.⁶⁴ Justeru, al-Tirmidhī mengistinbāt hukum daripada *hadīth* tersebut iaitu, “*hadīth* ini menjadi dalil bahawa tidak boleh menikah tanpa wali kerana saudara perempuan Ma‘qil bin Yasār telah menjadi janda. Sekiranya urusan tersebut (pernikahan) diserahkan kepada wanita itu (saudara perempuan Ma‘qil) tanpa walinya, nescaya beliau akan menikahkan dirinya sendiri tanpa memerlukan walinya lagi iaitu Ma‘qil bin Yasār. Allah SWT telah tujukan ayat ini kepada para wali iaitu, “Maka janganlah kamu (para wali) menghalangi mereka berkahwin lagi dengan suami-suami mereka”. Oleh itu, ayat ini menjadi dalil suruhan kepada para wali agar menikahkan mereka (wanita yang diwalikan olehnya) sesuai dengan keredhaan mereka”.⁶⁵ Berdasarkan *istinbāt* al-Tirmidhī ini, tidak harus bagi seseorang wanita itu bernikah tanpa walinya di samping menjadi kewajipan para wali menikahkan mereka dengan kerelaan tanpa paksaan. Oleh itu, ketokohan al-Tirmidhī juga terserlah dalam bidang *fiqh*.

3.10 Menafsirkan *Hadīth* Dengan *Hadīth* Yang Lain

Antara *manhaj* penulisan al-Tirmidhī dalam *Abwāb al-Tafsīr* ialah mentafsirkan sesuatu *hadīth* dengan membawa *hadīth* lain selepasnya. *Manhaj* ini dapat dilihat melalui *hadīth* bernombor 3270 dalam *Bāb Min Surah al-Hujurāt* iaitu,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Alī bin Ḥujr”, katanya, “telah menghabarkan kepada kami ‘Abdullah bin Ja‘far”, katanya, “telah menceritakan kepada kami ‘Abdullah bin Dīnār, daripada Ibn ‘Umar berkata, “bahawa Rasulullah SAW berkhutbah ketika waktu pembukaan kota Makkah, sabdanya, “Wahai sekalian manusia, Allah SWT telah menghilangkan kebanggaan Jahiliyyah dan pengagungan terhadap nenek moyangnya. Manusia terbahagi kepada dua iaitu (pertama) yang baik, bertaqwa dan mulia. Dan (kedua ialah) yang keji, sengsara dan hina di sisi Allah. Manusia adalah anak cucu Adam dan Allah menciptakan Adam daripada tanah. Allah SWT berfirman, “Wahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu daripada kalangan lelaki dan wanita, serta kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenali. Sesungguhnya semulia-mulia kamu adalah orang yang paling bertakwa dalam kalangan kamu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha teliti (al-Hujurāt: 13).”⁶⁶

⁶² Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Quran*, *Bab Min Surah al-Baqarah*, No. 2981, h. 880.

⁶³ *Sabab al-Nuzūl* atau *Asbab al-Nuzūl* ialah suatu perkara yang menyebabkan turun ayat al-Quran pada waktu berlakunya seperti peristiwa dan pertanyaan. Lihat: Manna‘al-Qattan, *Mabahith fi ‘Ulum al-Quran* (Beirut; Muassasah al-Risalah, 2006), h. 72.

⁶⁴ Muhammad ‘Abd al-Rahman al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Syarh Jami‘ al-Tirmidhi* (Beirut: Dar al-Fikr, 2003), 8/275.

⁶⁵ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Quran*, *Bab Min Surah al-Baqarah*, No. 2981, h. 880.

⁶⁶ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsīr al-Quran*, *Bab Min Surah al-Hujurāt*, No. 3270, h. 969. Al-Tirmidhī menilai *hadīth* ini sebagai *gharib*.



Hadīth ini berkenaan dengan khutbah Nabi SAW ketika pembukaan kota Makkah yang menjelaskan mengenai asal usul keturunan Nabi Adam A.S adalah sama iaitu daripada tanah dan kemuliaan mereka adalah berdasarkan atas ketakwaan. Di samping itu Nabi SAW membacakan firman Allah daripada *Surah al-Hujurāt* ayat 13. Dalam ayat berkenaan menyebut, “Semulia-mulia kamu adalah orang yang paling bertakwa”. Lalu al-Tirmidhī membawakan *hadīth* berikutnya bernombor 3271 yang mentafsirkan ketakwaan dalam *hadīth* di atas iaitu,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami al-Faḍl bin Sahl al-A‘raj al-Baghdādi dan selainnya”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Yūnus bin Muhammad, daripada Salām bin Abī Muṭī”, daripada Qatādah, daripada al-Ḥasan, daripada Samurah berkata, “Nabi SAW bersabda, “kebanggaan diperoleh kerana harta, dan kemuliaan diperoleh kerana takwa”.⁶⁷

Berdasarkan *hadīth* ini, Nabi SAW menjelaskan bahawa ketakwaan itu akan menghasilkan kemuliaan pada diri manusia. Manakala harta hanya menghasilkan kebanggaan di sisi manusia semata-mata.⁶⁸

3.11 Membawa Komentar Ulama *Hadīth* Terhadap Sesuatu *Hadīth*

Dalam *Abwāb al-Tafsīr*, didapati al-Tirmidhī menukilkhan pandangan atau komentar ulama *hadīth* terhadap sebahagian *hadīth* yang dikemukakan termasuk perkara yang berkaitan dengan *Jarḥ wa Ta‘dīl* dan status *sanad*. Misalnya,

Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Abd bin Ḥumaid”, katanya, “telah menceritakan kepada kami ‘Ubaidullah bin Mūsā, daripada Isrā’īl, daripada Mansūr, daripada Sālim bin Abī Ja‘d, daripada Thaubān” katanya, “Apabila turun ayat “Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak (al-Taubah: 34)”. Kata Thaubān lagi, “ketika kami bersama Nabi SAW dalam suatu perjalanan, maka sebahagian para Sahabatnya bertanya, “telah diturunkan (ayat) tentang emas dan perak seperti itu, andai saja kita tahu, apakah harta yang terbaik untuk kita mengambilnya?” Sabda Nabi SAW, “Sebaik-baiknya (harta) adalah lisan yang berzikir, jiwa yang bersyukur dan isteri yang beriman yang membantu keimanannya”.⁶⁹

Hadīth ini bernombor 3094 dalam *Bāb Min Surah al-Taubah* yang membawakan ayat 34 dari *Surah al-Taubah*. Al-Tirmidhī telah menukilkhan ulasan al-Bukhārī mengenai *sanad* *hadīth* tersebut iaitu,

Kata al-Tirmidhī, “Aku telah bertanya kepada Muhammad bin Ismā’īl (al-Bukhārī) iaitu, “adakah Sālim bin Abī Ja‘d mendengar daripada Thaubān?”. Lalu beliau menjawab, “tidak”. Aku bertanya lagi, “daripada siapa beliau (Sālim) mendengar dalam kalangan para Sahabat Nabi SAW”. Jawab beliau (al-Bukhārī), “Beliau (Sālim) mendengar daripada Jābir bin ‘Abdillah, Anas bin Mālik dan (al-Bukhārī) menyebut beberapa Sahabat yang lain”.⁷⁰

Berdasarkan kenyataan al-Tirmidhī ini menunjukkan bahawa al-Bukhārī menafikan bahawa Sālim bin Abī Ja‘d pernah mendengar *hadīth* daripada Thaubān. Beliau hanya mendengar *hadīth* daripada Jābir bin ‘Abdillah, Anas bin Mālik dan beberapa Sahabat yang lain sahaja.

3.12 Mengemukakan Tafsiran Para *Salaf Al-Ṣālih* Terhadap Ayat Al-Quran

Manhaj al-Tirmidhī dalam *Abwāb al-Tafsīr* ialah mengemukakan tafsiran para *Salaf al-Ṣālih* terhadap ayat-ayat al-Quran khususnya dalam kalangan Sahabat dan *Tābi‘īn*. Misalnya,

⁶⁷ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsir al-Quran*, Bab Min Surah al-Hujurat, No. 3271, h. 970.

⁶⁸ Muhammad ‘Abd al-Rahman al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Syarh Jami’ al-Tirmidhi*, 8/127 – 128.

⁶⁹ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwāb Tafsir al-Quran*, Bab Min Surah al-Taubah, No. 3094, h. 913.

⁷⁰ Ibid.



Kata al-Tirmidhī, “telah menceritakan kepada kami ‘Alī bin Ḥujr”, katanya, “telah menceritakan kepada kami Husyaim”, katanya, “telah mengkhabarkan kepada kami Mughīrah, daripada Mujāhid,” katanya, “Ka‘ab bin Ujrah berkata, “Demi jiwaku berada di tanganNya (Allah SWT), berkenaan denganku ayat ini turun dan akulah yang dimaksudkan (dalam ayat itu) iaitu, “Sesiapa dalam kalangan kamu yang sakit atau mempunyai gangguan pada kepalanya (lalu dia bercukur), maka dia wajib membayar fidyah iaitu berpuasa, bersedekah atau melakukan korban (dam) (al-Baqarah: 196)”. Kata Ka‘ab lagi, “Kami pernah bersama Nabi SAW di Hudaibiyah, ketika itu kami sedang berihram, namun kaum musyrikin mengepung kami. Dan aku mempunyai rambut yang lebat, lalu kutu berjatuhan di mukaku. Kemudian Nabi SAW lalu di hadapanku dan bersabda, “sepertinya kutu-kutu di kepalamu mengganggumu?” Beliau menjawab, “benar”. Sabda baginda, “cukurlah kepalamu”. Maka turunlah ayat ini”.⁷¹

Berdasarkan *Hadīth* ini Nabi SAW menyarankan kepada Ka‘ab bin ‘Ujrah supaya mencukur kepalanya dalam keadaan *ihrām* disebabkan kutu-kutu yang menganggunya. Kisah ini juga menjadi faktor *Sabab al-Nuzūl* kepada ayat 196 dalam *Surah al-Baqarah* yang menerangkan mengenai *fidyah* yang dikenakan kepada orang mencukur kepalanya ketika *ihrām* disebabkan sakit atau gangguan di kepala. Al-Tirmidhī telah mengemukakan pendapat Mujāhid⁷² yang mentafsirkan ayat tersebut iaitu, “fidyah tersebut ialah berpuasa tiga hari, memberi makan untuk enam orang miskin dan menyembelih seekor kambing biri-biri atau lebih”.⁷³ Mujahid adalah seorang ulama dari kalangan *Salaf al-Sālih*.

4. Kesimpulan

Kepentingan yang besar terhadap *hadīth* menyebabkan para ulama mengumpulkan *hadīth* bagi memelihara sumber kedua umat Islam. Tambahan pula *hadīth* merupakan pentafsir al-Quran yang amat berautoriti sebagai sumber utama umat Islam. Justeru, antara ulama salaf yang amat berperanan dalam hal ini ialah al-Tirmidhī yang hidup dalam tiga kurun pertama hijrah di mana beliau mengumpulkan *hadīth-hadīth* yang mentafsirkan al-Quran iaitu sebanyak 420 *hadīth* sekali gus menjadi bab yang terbesar dalam kitab *al-Jāmi’nya*. Peranan ini amat penting kerana merekod dan mengumpulkan *hadīth* di zaman tiga kurun pertama hijrah dijamin oleh Nabi SAW kesahihannya serta masih dekat dengan zaman Nabi SAW selain al-Tirmidhī juga adalah seorang ilmuan *hadīth* yang amat masyhur. Selain itu, al-Tirmidhī mempunyai manhaj yang tersendiri dalam penulisannya di mana dapatkan kajian menunjukkan bahawa al-Tirmidhī mempunyai 12 manhaj penulisan khusus dalam *abwāb al-tafsīr*. Manhaj yang dikemukakan ini dapat membantu memahami gaya penulisan al-Tirmidhī dalam kitab *al-Jāmi’nya*. Dapatkan ini menunjukkan bahawa al-Tirmidhī seorang yang amat pakar dalam ilmu tafsir al-Quran. Selain itu, dapatkan ini memudahkan untuk memahami kitab *al-Jāmi’* terutama dalam *abwāb al-tafsīr*.

⁷¹ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwab Tafsir al-Quran, Bab Min Surah al-Baqarah*, No. 2973, h. 878.

⁷² Nama sebenar Mujahid ialah Mujahid bin Jabr. *Kunya* beliau ialah Abu al-Hajjaj al-Makhzumi, beliau berasal dari Makkah. Ulama *hadīth* menilainya sebagai *thiqah* dan diriwayat oleh semua *Ashab al-Sunnah al-Sittah*, di samping beliau merupakan *al-Imam* di dalam tafsir al-Quran yang memiliki sebanyak 83 *hadīth*. Beliau juga merupakan *Tabi‘in* pertengahan. Para ulama telah berselisih pendapat mengenai tahun beliau meninggal dunia iaitu sama ada pada tahun 111 H, 112 H, 113 H atau 114 H. Lihat: Ahmad bin ‘Ali Ibn Hajar, *Taqrib al-Tahdhib* (al-Qahirah: Maktabah al-Taufiqiyah, 2003), 2/107.

⁷³ Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Abwab Tafsir al-Quran, Bab Min Surah al-Baqarah*, No. 2973, h. 878.



RUJUKAN

1. Abdullah bin Muhammad bin Khaḍr al-Qarnī, *al-Masā'il allatī Naṣṣu al-Imām al-Tirmidhī fī Sunanīhi anna al-'Amala 'Alaihā 'inda Ahl al-'Ilm al-Ahkām wa al-Diyāt wa al-Hudūd* (Disertasi Sarjana bahagian al-Fiqh al-Muqāran, Universiti al-Imām Muhammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah, Saudī, 1430H).
2. Abu Al-Husin Muslim Bin Al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim* (al-Riyad: Dar al-Taibah, 2006).
3. Ibn Rajab al-Ḥanbalī, *Syarḥ al-'Ilal* (Dimasyq: Dār al-Millah, t.t.).
4. Mahmud al-Tahhan, *Taisir Mustalah al-Hadīth* (al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif, 2004).
5. Mohd Sukki Othman, *Penggunaan al-Mathāl al-Šari'ah dalam al-Qurān dan Sunan al-Tirmidhī mengenai Manusia* (Disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia UKM, 2001).
6. Muhammad 'Abd al-Rahman al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Syarḥ Jami' al-Tirmidhī* (Beirut: Dar al-Fikr, 2003).
7. Muhammad Abu Laith Abadi, *'Ulum al-Hadīth Asiluha wa Ma'asiruha* (Selangor: Dar al-Syakir, 2003).
8. Muhammad Abu Laith Ābadi, *Mu'jam Mustalahat al-hadīth wa 'Ulumihi wa Asyharu al-Muṣannifin fihi* ('Amman: Dar al-Nafais, 2009).
9. Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri, *Al-'Arfu al-Syadhi Syarḥ Sunan al-Tirmidhī* (Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī 2004), 4/222.
10. Muhammad bin 'Isā al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī* (Riyād: Dār al-Salām, 2009).
11. Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyād: Dār al-Salām, 1999).
12. Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah, *al-Wasiṭ fī 'Ulum Muṣṭalah al-Hadīth* (al-Qahirah: 'Ālim al-Ma'rifah, 1983).
13. Muṣṭafā al-Sibā'ī, *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī' al-Islāmī* (Beirūt: al-Maktab al-Islāmī, 1982).
14. Nūr al-Dīn 'Itr, *al-Imām al-Tirmidhī wa al-Muwāzanah baina Jāmi'u huwa baina al-Ṣaḥīḥain* (al-Qāhirah: Maṭba'ah Lajnah al-Ta'līf wa Tarjamah wa al-Nasyr 1970).
15. Sa'ad bin Abdullah Āli Humaid, *Manahij al-Muhaddithin* (Riyād: Dar 'Ulum al-Sunnah, 1999).
16. Sakat, Ahamad Asmadi. Metodologi Penulisan Kitab Al-Jami' Karya Imam Al-Tirmidhi: Tumpuan Kepada Meriwayat Hadis dalam Bab Tertentu. *Jurnal Usuluddin*, [S.I.], v. 12, p. 45-58, dec. 2000. ISSN 0128-0708.
17. Syam al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz* (Beirūt: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998).
18. Taqi al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Taimiyyah, *Muqaddimah fī Uṣūl al-Tafsīr* ('Ammān: Dār 'Ammār, 1997), h. 45; Muhammad bin Ṣāliḥ al-'Uthaimin, *Syarḥ Muqaddimah Usul al-Tafsīr* (al-Qāherah: Dār Ibn al-Jauzī, 2005).
19. Yasir al-Syimali, *al-Wadiḥ fī Manahij al-Muhaddithin* ('Amman: Dar al-Hamid, 2006), h. 182-183. SAKAT, Ahamad Asmadi. Metodologi Penulisan Kitab Al-Jami' Karya Imam Al-Tirmidhi: Tumpuan Kepada Meriwayat Hadis dalam Bab Tertentu. *Jurnal Usuluddin*, [S.I.], v. 12, p. 45-58, dec. 2000. ISSN 0128-0708.